

22.6.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

BAYAR PAMPASAN KEPADA KEDAH UNTUK PULIHARA ULU MUDA SEBAGAI “KAWASAN TADAHAN AIR WILAYAH UTARA”

- Pulau Pinang dan PBAPP menyokong penuh tuntutan Kedah untuk pampasan Persekutuan untuk pulihara Ulu Muda.
- Bagaimanapun, pampasan perlu dibayar hanya selepas Ulu Muda diwartakan sebagai Kawasan Tadahan Air Wilayah Utara (NRWCA) dan dilindungi oleh perundangan secara kekal.

PULAU PINANG, Sabtu, 22.6.2019: Penang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menyokong penuh tuntutan Kedah untuk pampasan Persekutuan untuk memulihara Ulu Muda.

Walau bagaimanapun, tuntutan Kedah mesti disokong oleh komitmen yang mampan untuk memulihara Ulu Muda untuk kebaikan. 3 terma utama untuk pampasan Kerajaan Persekutuan adalah:

1. Mewartakan 163.103 hektar hutan hujan Kompleks Hutan Ulu Muda sebagai Kawasan Tadahan Air Wilayah Utara (NRWCA).

Undang-undang mesti digubal untuk melindungi Ulu Muda secara kekal.

2. Penguatkuasaan undang-undang yang ketat untuk memastikan “pembalakan sifar” di Ulu Muda. Hutan hujan mesti dilindungi sepenuhnya dan selengkapnya, tanpa pengecualian.



3. Tiada toleransi untuk pembalakan atau aktiviti ekonomi berskala besar lain yang mengancam alam sekitar di Ulu Muda. Sebarang pelanggaran mesti dilaporkan dan dihukum secara terbuka.

Fokus kepada pemuliharaan mampan dan bukannya larangan pembalakan

Pada 21.6.2019, *Berita Harian* dan *FMT* menerbitkan laporan berita yang memetik Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebagai menyatakan bahawa “Kedah berharap Kerajaan Persekutuan akan membayar ganti rugi yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri selepas menghentikan aktiviti pembalakan di Ulu Muda sejak tahun lepas.”

Pengumuman larangan pembalakan di Ulu Muda oleh Kedah sejak September 2018 memberi manfaat kepada Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, daripada segi jaminan air mentah.

Aktiviti pembalakan di Ulu Muda telah mengancam bekalan air, dan oleh itu, kesejahteraan sosio ekonomi semua 3 negeri.

Dianggarkan kira-kira 4.2 juta orang tinggal di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang pada tahun 2017. Rakyat memerlukan perkhidmatan bekalan air berterusan setiap hari. Pada 2017, sumbangan KDNK gabungan 3 negeri utara adalah kira-kira RM139 bilion (pada harga semasa).

Walau bagaimanapun, setakat ini, tiada undang-undang negeri atau persekutuan telah dicadangkan atau digubal untuk memulihara Ulu Muda secara kekal.

Kedah perlu mendapatkan pampasan bagi memulihara Ulu Muda selama-lamanya, berdasarkan pandangan sosio ekonomi jangka panjang, dan bukan untuk larangan pembalakan.

Kerajaan Persekutuan sepatutnya memberi pampasan kepada Kedah kerana mengambil tindakan tegas untuk memulihara Ulu Muda selama-lamanya, untuk melindungi kesejahteraan 4.2 juta rakyat Malaysia, dan bukan untuk larangan pembalakan.

Fokus utama adalah untuk memulihara Ulu Muda secara kekal dan lestari kerana ia adalah aset semulajadi yang tidak dapat diganti. Ia berfungsi



sebagai kawasan tadahan air terbesar dan paling penting di wilayah utara.

Lindungi Ulu Muda demi masa hadapan

Lebih kurang 70% air mentah Perlis, 96% air mentah Kedah dan lebih daripada 80% air mentah Pulau Pinang asalnya dari Ulu Muda.

Dalam tempoh 19 tahun yang lalu, penggunaan air di Pulau Pinang meningkat sebanyak 56.7%, daripada 536 juta liter sehari (MLD) pada tahun 1999 kepada 840 MLD pada 2018. Penggunaan air di Perlis dan Kedah juga meningkat dengan ketara dalam tempoh 19 tahun yang lalu.

Pada masa depan, permintaan air di ketiga-tiga negeri akan terus meningkat, selari dengan pertumbuhan penduduk dan perkembangan sosio ekonomi.

Oleh itu, nilai Ulu Muda sebagai NRWCA akan meningkat pada masa depan.

Dalam konteks ini, Kerajaan Persekutuan perlu “melabur” dalam memberi pampasan kepada Kedah untuk memulihara Ulu Muda dengan betul, sah dan mampan.

Ini akan menjadi pelaburan bijak untuk melindungi kepentingan rakyat Perlis, Kedah dan Pulau Pinang; dan untuk memastikan sumbangan KDNK yang baik dan hasil cukai dari rantau ini pada masa akan datang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my